



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010

02/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian. Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. **Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian: **Bahagian A(i)** dan **Bahagian A(ii)**. *Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Bahagian A (i) – Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang kepentingan perpaduan rakyat Malaysia. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara adalah antara usaha yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengekalkan perpaduan rakyat di negara ini. Kebanyakan rakyat negara asing amat mengagumi perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Antara kepentingan perpaduan adalah untuk menjamin keamanan negara. Setiap kaum mempunyai kepercayaan, adat resam, budaya, agama dan bahasa yang berbeza. Jika setiap kaum saling bertoleransi, maka pertelingkahan yang menyebabkan rusuhan kaum dapat dielakkan.

Perpaduan juga dapat menjamin ekonomi negara terus membangun. Dari segi politik, pemimpin negara dapat berganding bahu sebagai aur dengan tebing untuk memuppin negara ke arah kemajuan. Oleh itu, rakyat yang bersatu padu dapat mengekalkan kedaulatan negara umpama bulat air kerana pemetung bulat manusia kerana muafakat. Sikap komuniti Malaysia yang mengagumkan ini menjadi elemen yang menarik perhatian pelancong asing untuk melawat negara kita. Mereka bukan sahaja tidak berasa kekok semasa menetap di Malaysia.

Tegasnya, perpaduan dapat melahirkan negara yang aman damai dan harmoni. Masyarakat Malaysia harus mengamalkan sikap bertolak ansur, peramah, murah hati, dan bersopan santun sepanjang masa. Hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah pelancong asing dapat membawa balik pengalaman untuk diceritakan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan mereka di sana. Tambahan pula, perpaduan dapat menggalakkan pelabur asing untuk melabur di negara kita. Hal ini demikian kerana pelabur asing lazimnya lebih berminat untuk melabur di negara yang mempunyai ekonomi yang stabil berbanding di negara yang huru-hara.

Integrasi kaum dapat menjamin ekonomi negara daripada merosot dan memperkukuh keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia. Oleh itu, semua pihak perlu *menggembleng tenaga* untuk mengekalkan perpaduan. Hal ini demikian kerana tanpa perpaduan, imej negara akan tercalar di persada antarabangsa dan berlaku kemerosotan ekonomi. Kejayaan mengekalkan perpaduan di Malaysia terletak pada penglibatan dan kesungguhan semua pihak kerana hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Dewan Siswa*, Jun 2009)

Bahagian A(ii) – Pemahaman

[10 markah]


Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- 1 Berikan maksud *menggembeleng tenaga* dalam petikan. [2 markah]
- 2 Mengapakah pelancong asing tertarik untuk melawat negara kita? [4 markah]
- 3 Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk memupuk perpaduan di sekolah? [4 markah]

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah diadakan sambutan Hari Kebangsaan. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



Bahagian C**[40 markah]**

Tulis sebuah karangan tentang satu daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.

- 1 Sekolah anda telah mengadakan Sambutan Hari Guru peringkat sekolah. Pelbagai aktiviti telah diadakan semasa sambutan tersebut.

Ceritakan **pengalaman** anda.

- 2 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menangani isu remaja keluar rumah pada lewat malam.

Bincangkan.

- 3 Pihak sekolah disarankan supaya menghidupkan semula permainan tradisional kerana mempunyai manfaat yang banyak.

Berikan **pendapat** anda.

- 4 Selaku Pembantu Rakan Sebaya, anda diminta menyampaikan ceramah tentang pentingnya mengelakkan masalah kegemukan dalam kalangan pelajar.

Tuliskan **ceramah** anda selengkapnya.

Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

- 5 Peribahasa ini memberi maksud bahawa jika kita membuat sesuatu pekerjaan dengan tidak bersungguh-sungguh, sudah pasti kita tidak akan mendapat hasilnya.


Tulis satu **cerita** berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

Bahagian D

[10 markah]

Jawapan mestilah berdasarkan **satu** novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) Panas Salju, karya Talib Samat
- (ii) Merdeka! Merdeka!, karya A.Rahman Hanafiah
- (iii) Ekspedisi, karya Mohd. Ghazali Tocheh
- (iv) Kanang Cerita Seorang Pahlawan, karya Maznan Nordin



Berikan satu contoh peristiwa bagi setiap pengajaran yang disenaraikan di atas.

KERTAS SOALAN TAMAT